SAMPEL PERCUMA

Skema Trial STPM 2018 Pengajian Perniagaan Semester 1 (946/1)

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Perniagaan

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Bahagian A
[*50 markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1	*(a)*	Huraikan **tiga** cabaran yang akan dihadapi oleh aktiviti perniagaan pada masa hadapan.	[6]
		Cabaran yang akan dihadapi oleh aktiviti perniagaan pada masa hadapan. **1. Globalisasi/Dunia tanpa sempadan** • persaingan sengit (kualiti, harga, penyampaian), mobiliti pekerja/modal, celaru budaya. **2. Peningkatan Kemajuan teknologi** • perubahan produk, tempoh ke pasaran semakin pendek, perlu kemahiran teknologi, perlu modal tinggi. 3. **Peningkatan tanggungjawab sosial** • batasan aktiviti komersial, desakan/tekanan pihak NGO, kerajaan, pihak berkepentingan; buruh kanak-kanak, prihatin terhadap OKU. **4. Peningkatan sistem perniagaan Islam (perbankan Islam)** • pematuhan syariah. **5. Kewujudan blok-blok perdagangan** • ketepuan pasaran, persaingan sengit, batasan perdagangan. 6. **Sumber semakin berkurangan** • batasan pengeluaran, perlukan inovasi dan kreativiti yang tinggi, meningkatkan produktiviti (meningkatkan kecekapan penggunaan sumber). 7. **Perubahan struktur demografi** • kebanjiran tenaga wanita dalam pasaran, memerlukan kemudahan/suasana kerja yang berbeza daripada suasana biasa; hayat semakin panjang – ramai pekerja yang sudah "matang". [3 fakta pertama sahaja] [F=1m , H=1m X 3 = 6m]	
	(b)	Huraikan **empat** faktor yang mendorong peniaga mengubah entiti perniagaan daripada bentuk perkongsian kepada syarikat sendirian berhad.	[4]
		Faktor yang mendorong peniaga mengubah entiti perniagaan daripada bentuk perkongsian kepada syarikat sendirian berhad. 1. Modal lebih besar dan lebih mudah mendapatkan pembiayaan melalui penerbitan saham/ pinjaman daripada institusi kewangan/peluang mengembangkan perniagaan 2. Liabiliti terhad kepada jumlah pelaburan pemilik sahaja 3. Operasi mudah dapat mengajikan orang lain dan ini dapat mengembangkan perniagaan 4. Terdapat pengkhususan dalam pengurusan, iaitu pengurusan kewangan, pemasaran, sumber manusia untuk operasi lebih cekap dan berkesan 5. Keberterusan iaitu jangka hayat perniagaan lebih panjang dan tidak akan ditutup walaupun salah seorang meninggal dunia atau menjual sahamnya 6. Syarikat sendirian berhad sebagai entiti yang berasingan, boleh didakwa dan mendakwa [4 faktor pertama sahaja x 1m = 4m]	

	(c)	Terangkan **empat** objektif pelaksanaan susun atur pengeluaran.	[4]
		Objektif pelaksanaan susun atur pengeluaran 1. Memastikan kerja-kerja dapat dijalankan dengan licin 2. Maklumat dapat dialir dengan pantas/ komunikasi antara pekerja 3. Ruang dapat digunakan dengan optima/ elak kesesakan/ kesendatan 4. Kos sewaan dapat dikurangkan 5. Memudahkan aliran keluar masuk bahan mentah dan produk 6. Menggalakkan langkah-langkah keselamatan 7. Memudahkan aktiviti penyeliaan [4 Fakta pertama] [F=1 x 4 = 4m]	
	(d)	Jelaskan maksud *sistem pembuatan luwes* dan nyatakan **tiga** kebaikan penggunaan sistem tersebut.	[4]
		Maksud: • Satu sistem yang boleh mengeluarkan pelbagai produk dengan cepat (mesin) Kebaikan: • Tidak memerlukan ramai pekerja, maka dapat mengurangkan kos buruh • Masa penyediaan yang pendek maka mengurangkan kos penyediaan dan memungkinkan campuran produk dilakukan • Kerja-kerja penjadualan dan jalan laluan bahan dikendalikan oleh komputer • Dapat meningkatkan penggunaan mesin-mesin • Output dengan kualiti yang lebih konsisten dapat dihasilkan [Definisi = 1m + 3 kebaikan x 1m = 4m]	
	(e)	Syarikat Alfa World merupakan sebuah syarikat pengeluar jam tangan berjenama ALFA. Jelaskan ciri–ciri produk yang perlu ada pada jam tangan yang dikeluarkan oleh syarikat ini.	[6]
		Ciri-ciri produk yang perlu ada pada jam tangan yang dikeluarkan oleh syarikat ini: 1. Produk Teras/Asas • Meliputi semua faedah yang ingin didapati oleh pengguna daripada pembelian **jam tangan** tersebut • Ia merupakan sebab utama kenapa jam tangan tersebut dibeli. • Pengguna membeli jam tangan alfa untuk membolehkan mereka mengetahui waktu dengan tepat 2. Produk Ketara / Sebenar • Merupakan ciri-ciri atau sistem atau kelengkapan yang terdapat pada jam tangan untuk menyokong faedah utama • Contohnya **reka bentuk jam, tali jam, jenama alfa, tahap kualiti**, pembungkusan dan lain-lain 3. Produk Sampingan / Tambahan • Merupakan faedah tambahan yang diperoleh oleh pengguna selepas pembelian dan pengguna jam tangan tersebut • Contohnya: **waranti 1 tahun untuk enjin jam tangan**, kemudahan kredit yang diberikan kepada pelanggan yang ingin membeli secara hutang. [Mana-mana 2 ciri] [F=1, H=1, C=1, Jumlah = maksimum 6m] [Jawapan mesti dikaitkan dengan jam tangan]	

	(f)	Model Gelagat Pengguna merupakan model yang mengkaji rangsangan atau faktor yang mempengaruhi keputusan pembelian pengguna dan respons pengguna dalam memperoleh sesuatu produk. Huraikan **tiga** elemen yang terdapat dapat dalam model tersebut.	[6]
		<u>Tiga elemen yang terdapat dalam Model Gelagat Pengguna ialah:</u> 1. **Rangsangan pemasaran dan persekitaran** • Terdapat dua rangsangan dari luar yang akan mempengaruhi gelagat pengguna dalam membuat keputusan pembelian 1. Rangsangan Pemasaran ▪ Produk ▪ Harga ▪ Promosi ▪ Pengedaran 2. Rangsangan persekitaran ▪ Ekonomi-keadaan ekonomi ▪ Politik-keadaan politik ▪ Teknologi ▪ Budaya 2. **Kotak Hitam Pembeli** • Di dalam kotak hitam/minda pengguna/pelanggan, faktor-faktor rangsangan tersebut akan **berinteraksi** dengan <u>ciri-ciri pengguna seperti psikologi, budaya, sosial dan individu</u> itu sendiri dan **proses pembuatan keputusan** oleh pelanggan/pengguna akan terhasil. 3. **Respons pembeli** Rangsangan luar dan faktor dalaman kotak hitam pengguna akan <u>saling mempengaruhi bagi mewujudkan satu tindak balas pelanggan</u> dari segi <u>pendapat atau sikap</u> sama ada **suka atau tidak** menggunakan perkhidmatan penghantaran tersebut atau dari segi <u>gelagat</u> akan terus **menggunakan atau tidak menggunakan** lagi perkhidmatan [1F = 1M, 1H =1M] [3F+3H = 6M]	
	(g)	Jelaskan konsep-konsep yang berikut : (i) Segmentasi pasaran (ii) Sasaran pasaran (iii) Peletakan pasaran	[2] [2] [2]
		(i) Segmentasi pasaran • Satu proses membahagikan pasaran yang besar dan mempunyai pelbagai keperluan, ciri dan gelagat pengguna kepada pasaran yang lebih kecil, yang mana individu-individu di dalam setiap segmen mempunyai keperluan, kehendak dan gelagat pembelian yang sama. • Proses membahagikan suatu pasaran kepada kumpulan pengguna yang mempunyai ciri atau gelagat yang berlainan yang memerlukan produk atau campuran pemasaran yang berbeza. • Bahagikan pasaran yang luas untuk pasarkan produk atau perkhidmatan dan fokus kepada unit yang kecil keperluan, tempat, ciri pengguna, gelagat, dan sikap	

- Contohnya;
  - Segmentasi berasaskan geografi
  - Segmentasi berasaskan demografi
  - Segmentasi berasaskan psikografi
  - Segmentasi berasaskan gelagat pengguna/manfaat produk

(ii) Sasaran pasaran

- Proses menilai daya tarikan setiap segmen pasaran dan memilih satu atau beberapa segmen untuk ditembusi. ATAU
- Proses menilai setiap segmen pasaran dan menyasarkan beberapa segmen pasaran yang menarik untuk dimasuki
- Fokus pemasar kepada pelanggan yang mempunyai minat dan keperluan kepada produk atau keluaran yang sama
- Contohnya;
  - Pemasaran dibezakan
  - Pemasaran tak dibezakan
  - Pemasaran tertumpu
  - pemasaran mikro

(iii) Peletakan pasaran

- Proses menempatkan atau meletakkan produk dalam satu kedudukan yang lebih baik berbanding dengan produk pesaing dalam minda pengguna
- Proses membangunkan suatu campuran pemasaran yang spesifik untuk mempengaruhi persepsi pengguna tentang jenama, lini produk atau syarikat secara umum.
- Cara pemasar meletakkan produk dan perkhidmatan mereka ke dalam minda pengguna berbanding produk pesaing.
- Contohnya;
  - Atribut produk
  - manfaat
  - kekerapan penggunaan
  - Pengguna
  - Klasifikasi produk

[H=1m, C=1m, Jumlah = 6m]

(h) Bezakan antara pembiayaan jangka pendek dengan pembiayaan jangka panjang. [4]

Aspek	**Pembiayaan jangka pendek**	**Pembiayaan jangka panjang**
Tempoh matang	Tempoh bayar balik singkat /kurang dari setahun	Tempoh bayar balik panjang/ lebih dari setahun
Sumber	Hutang jangka pendek	Hutang jangka panjang /ekuiti
Kadar faedah	rendah	tinggi
Tujuan	Untuk operasi harian seperti pembayaran belanja	Untuk pelaburan jangka panjang/ projek
Risiko kemungkiran	risiko kemungkiran/bayar balik rendah	risiko kemungkiran/bayar balik lebih tinggi

[Mana-mana 2 aspek perbezaan X 2m = 4m]

CADANGAN JAWAPAN:[KES]


(a) Jelaskan strategi campuran pemasaran yang digunakan oleh Neelofar Hijab untuk menghadapi persaingan yang semakin sengit pada masa kini. [20]

Bil	Fakta	Huraian	Kaitan kes
1	Promosi [1]	Merujuk kepada kaedah yang digunakan untuk menyampaikan maklumat berkaitan produk atau perkhidmatan kepada pelanggan. [1]	Laporan media BBC yang mengenai hasil jualan Naelofar Hijab melebihi RM50 juta setahun. [1] Mengadakan pameran-pameran bergerak ke lokasi-lokasi yang terpilih[1] seperti jualan di bazar-bazar dan di expo-expo.[1]
2	Pengagihan[1]	Perantaraan yang digunakan oleh pemasar untuk mengedarkan produk dalam proses pemasaran atau merujuk kepada pemindahan produk dari tangan pengeluar ke tangan pengguna akhir. [1]	Mentranformasikan cawangan pengedaran mereka di seluruh negara [1] sebagai langkah dalam mengoptimumkan perkhidmatan yang disediakan. [1] Membuka butik di publika, solaris dutamas. [1]
3	Harga[1]	Merujuk kepada nilai yang diletakkan pada sesuatu produk atau perkhidmatan [1]	Harga tudung yang dijual pada harga tidak melebihi RM100.[1]
4	Produk [1]	Merujuk kepada barang, perkhidmatan atau idea yang ditawarkan kepada pelanggan. [1]	Mengeluarkan rekaan tudung yang menarik dan moden.[1] Melancarkan 16 gaya tudung Mempertaruhkan 30 warna-warna pastel sebagai warna neelofar hijab.[1] Menjual 2 jenis hijab iaitu instant hijab dan semi instant hijab.[1] Kualiti kain adalah sifon yang menjanjikan keselesaan kepada pengguna. [1] Penggunaan batu kristal atau mutiara swarovski sebagai kelainan dari produk yang ada di pasaran.[1]

[1 Fakta, 1 Huraian + kaitan kes = maksima 20m]

3. Berdasarkan rajah proses pengeluaran, huraikan perkaitan pendekatan kawalan kualiti yang boleh dilaksanakan oleh sesebuah syarikat pengeluaran roti.[20]

Gambar Rajah Proses Pengeluaran



Rajah: maksima 6m

Kawalan input (1m)

- Takrif : kawalan yang dijalankan sebelum aktiviti pengeluaran bermula dan memeriksa semua faktor pengeluaran **(1m)**
- Aktiviti: pengawalan ke atas input **(1m)** seperti tenaga kerja, gandum, telur, mesin penguli, metod & alat pembakar **(1m)**
- Tujuan: mengelakkan pemesongan; memastikan pengeluaran mengikut spesifikasi. **(1m)**

Kawalan proses (1m)

- Takrif: kawalan yang dijalankan semasa proses transformasi sedang berlangsung iaitu semasa proses penukaran input kepada output. **(1m)**
- Aktiviti :pengawalan semasa proses transformasi **(1m)** iaitu menimbang bahan, mengadun, menguli, membakar dengan **(1m)**
- Tujuan: menyisih bahan-bahan rosak daripada proses pengeluaran. **(1m)**

Kawalan output (1m)

- Takrif: kawalan output dibuat setelah aktiviti pengeluaran tamat/setelah output dikeluarkan/kawalan ke atas output **(1m)**
- Aktiviti: menyemak output, membanding output dengan standard /atau spesifikasi untuk tujuan membuat pembetulan/pembaikan terhadap produk/proses. **(1m)** seperti memeriksa tekstur roti , rasa yang dihasilkan, cara pembungkusan dan pelabelan. **(1m)**
- Tujuan : membuat pembetulan / pembaikan terhadap produk atau proses yang di masa akan datang. **(1m)**

Maksima =15m

4. Huraikan kegunaan-kegunaan penyata kewangan kepada **lima** pihak yang berkepentingan. [20]

Pihak berkepentingan	**Kegunaan**
Pengurus syarikat	1. Penilaian prestasi pelaksanaan tugas 2. Asas perbandingan sistem kawalan syarikat 3. Penilaian semula program/aktiviti 4. Membuat perancangan masa hadapan
Pelabur/Pemegang saham	1. Menilai pencapaian syarikat 2. Mengekalkan pegangan/menambah pegangan 3. Menarik pegangan
Pemiutang/pembiaya/ pembekal	1. Kemampuan membayar kredit 2. Memperbaharui perjanjian kredit 3. Menambah atau mengurang tempoh masa kemudahan kredit
Agensi kerajaan	1. LHDN : perkiraan dan pembayaran cukai 2. Pencapaian dasar-dasar kerajaan 3. Perancangan ekonomi jangka panjang
Pekerja	1. Asas tuntutan kenaikan ganjaran 2. Kemudahan dan tempat kerja lebih selesa 3. Motivasi untuk terus bekerja

[1 Fakta = 1m x 5 = 5m]
[3 kegunaan x 5 = 15m]
Maksima 20 markah

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Perniagaan

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar